

29 JUN 2001

Mahathir-Simposium

SIMPOSIUM PELAJAR DI UM TETAP AKAN BERLANGSUNG, KATA DR M

BUKIT MERTAJAM, 29 Jun (Bernama) -- Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa di Alaf Baru yang dijadualkan berlangsung esok di Universiti Malaya tetap akan diadakan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata pihak penganjur telah diminta untuk mencari tempat alternatif kerana kerajaan mahu penganjuran simposium itu diteruskan.

Dewan Canselor universiti itu yang sepatutnya menjadi tempat simposium itu berlangsung, musnah dalam kebakaran awal hari ini.

Naib Canselor Universiti Malaya (UM) Profesor Datuk Dr Anuar Zaini Mohd Zain hari ini berkata ada kemungkinan kebakaran itu berpunca daripada perbuatan khianat atau akibat litar pintas.

"Kita ingin teruskan juga dan mungkin kita cari tempat lain kecuali jika timbul terlalu banyak masalah sehingga kita tidak dapat mengadakannya," kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas menghadiri majlis jamuan teh bersama rakyat di Politeknik Seberang Perai di sini hari ini.

Simposium membabitkan wakil 15 institusi pengajian tinggi awam dan swasta dari seluruh negara itu dijadual dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan majlis penutupnya akan dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Ahad ini

Menjawab soalan mengenai kemungkinan perbuatan sabotaj, Dr Mahathir berkata kejadian itu perlu disiasat dan kerajaan tidak akan membuat sebarang tuduhan liar berhubung perkara itu.

"Kita tidak mahu menyalahkan orang secara rambang. Kita akan selidik untuk tentukan siapa yang bertanggungjawab terhadap kejadian itu," katanya.

Perdana Menteri berkata: "Tuduhan tidak boleh dibuat sewenang-wenangnya mengenai masalah di UM".

Mengenai kegiatan pelajar anti-kerajaan yang terbabit dengan rusuhan, demonstrasi jalanan dan mengeluarkan majalah yang mengecam kerajaan, beliau berkata: "Kerajaan membelanjakan 10 kali ganda yuran pengajian pelajar berbanding pelajar sendiri dan sewajarnya mereka menumpukan perhatian kepada pelajaran sahaja".

Katanya, mereka perlu mengutamakan pelajaran masing-masing dan tidak membabitkan diri dengan kegiatan yang tiada kaitan dengan pelajaran masing-masing.

"Kalau tidak berminat untuk belajar, tidak ada gunanya kita memberikan tempat di universiti kepada mereka dan kita bagi tempat itu kepada orang lain yang berminat," kata beliau.

Perdana Menteri berkata terdapat juga kecenderungan di kalangan pelajar yang membiarkan diri mereka dipergunakan oleh pihak lain untuk menjalankan kegiatan berunsur militan di universiti.

Katanya, terdapat kegiatan mereka yang mirip ke arah itu dan mereka melupakan tujuan asal mereka memasuki universiti dengan menyertai kegiatan yang langsung tidak berkaitan dengan pelajaran mereka.

"Kalau kita dapati kegiatan ini sememangnya benar, kita perlu kaji semula tentang penempatan pelajar di universiti sekarang," katanya.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata pada masa ini, siasatan masih dijalankan berhubung kebakaran itu.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata polis dan pihak yang berkaitan seperti Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Bomba dan Jabatan Kimia sedang menjalankan siasatan masing-masing.

-- BERNAMA
AZE SA MOZ